

PANJI ANAK MINORITI

Thank you
for the help



MOHD KHAIR MOHD YASIN

All Rights Reserved, National Library Board, Singapore



Panji Anak Minoriti

Aku rela bahawa ALLAH Tuhan Kami
Dan Nabi Muhammad sebagai Nabi dan Rasul
Dan Al-Quran itu Iman kami
Dan Ka'abah itu Kiblat kami
Dan orang Islam itu saudara kami

Berabad berera berzaman berdekad
Kita telah dijajah

Berperang meradang menerjang meredah
Kita telah dimamah

Marilah kita sama berjuang
Mencapai kemenangan dua kehidupan

Tarilah tarian geografi
Tarilah tarian anak negeri
Tarilah tarian demokrasi
Tarilah tarian minoriti

Tarilah tarian teknologi
Tarilah tarian anak bumi
Tarilah tarian revolusi
Tarilah jangan kita diketepi

Minoriti fikirilah seperti majoriti
Minoriti fikirilah seperti majoriti

(Ulang semula dari atas)



2

Bumiku Bumimu Cinta Tragika

Bumiku bumimu
Bumi yang gemilang
Bumiku bumimu
Bumi yang tersayang
Bumiku Bumimu
Bumi yang cemerlang
Bumiku Bumimu
Bumi yang penuh aman

Bumiku Bumimu
Bumi bersejarah
Bumiku Bumimu
Bumi penuh indah
Bumiku Bumimu
Bumi yang menyerlah
Bumiku Bumimu
Bumi yang sejahtera

Bumiku berjaya di atas peluh usaha
Bumimu bahagia di atas doa yang pasrah
Bumiku bumimu bumi untuk semua

Bumiku Bumimu
Bumi yang terbilang
Bumiku Bumimu
Bumi kerinduan
Bumiku Bumimu
Bumi milik Tuhan
Bumiku Bumimu
Budi yang terkenang

(Ulang semula dari atas)

Sesingkat waktu itu
Aku masih dahagakan
Sesuatu darimu

Sekilat cinta ragu
Engkau masih menidakkan
Perasaan rindumu

Jikalau pelangi enggan bermain wewarnanya
Jikalau mentari enggan berkongsi bebahangnya

Barulah aku mengaku
Cinta kita telah musnah

Barulah aku mengaku
Cinta kita kekal padah

Ditelan kerakusan kenyataan kehidupan
Dipukul kegagahan keahliannya harapan

Engkaulah lambang cinta
Karam tragika
Akulah di bahtera
Cinta tragika

Seteguh lagu merdu
Aku masih menantikan kenangan yang baru

(Ulang semula dari atas)



4

Cinta Sains Fiksiyen

Engkau tinggal di planet jauh
Menunghak cakerawala yang angkuh

Aku duduk di bumi nyata
Merata keindahannya yang rapuh

Lantas untuk menemui di pengkalan
Kuperlu menaiki kapal angkasa harapan

Aku masih di dalam
Cinta sains fiksyen
Berkenalan berkasih menerusi kabel televisyen

Aku masih di dalam
Cinta sains fiksyen
Bermimpi bercanggih internet sayang fusion

Engkau pakai jenama asing
Melingkari kebudayaan galaxi hening

Aku capai celana gasing
Menepati perawakan manusia yang pening

Cinta sains fiksyen
Apakah hanya sekadar
Angananku.....

(Ulang semula dari atas)

5



Kapal Kertas Kerana Mereka Lapar

Sanggupkah engkau bunga
Terus didamba
Mungkinkah igau duka
Terus melanda
Bila cinta hanya ada di atas
Kapal kertas

Jatuh di dalam gelombang
Lautan yang mencengkam
Hilang dalam kebingungan
Jeritan yang terpadam

Aku perlu mendaki taufan
Untuk mencarimu teman
Cintaku bukan khayalan
Ku harap kau fikirkan

Sanggupkah engkau bunga
Terus didamba
Mungkinkah igau duka
Terus melanda
Bila cinta hanya ada di atas
Kapal kertas

(Ulang semula dari atas)

Kerana mereka lapar
Kerana mereka lapar
Kerana mereka lapar
Dia pecah masuk ke gerai pasar

Kerana mereka lapar
Dia pecah masuk ke gerai pasar

Kerana mereka lapar
Dia perintah isteri menukar kamar

Kerana mereka lapar
Dia tulis puisi berbaur hambar

Kerana mereka lapar
Dia mengaup rezeki yang kurang segar

Kerana mereka lapar
Kerana mereka lapar
Kerana mereka lapar
Dia pecah masuk ke gerai pasar

Kerana mereka lapar
Dia membunuh mimpi yang lemah pudar

Kerana mereka lapar
Dia meracun bunga memuncak mekar

Kerana mereka lapar
Dia membina hutan belukar liar

Kerana mereka lapar
Dia genggam nyawa terkapar-kapar

Kamar lapar
Kamar lapar
Kamar lapar
Apakah engkau mahu berada di dalam kamar lapar

(Ulang semula dari atas)

7

Jiwa Jupiter

Di selatan ada kucing mengiau
Bumi tersendat di kaki utara
Sepotong ayat menjelma dalam igau

Di atas perada sebuah kotak
Sepasang mata angkuh bercerita
Berbunyi mimpi dalam kamar yang pekak

Mencarilah kamu mencari kamus
Benarkah bangsa jiwa jupiterku akan hangus
Menarilah baku menari bagus
Apakah bangsa jiwa jupiterku akan pupus

Dahi akan berkerutan
Hidung terus berhingusan
Jiwa kekal di awang-awangan

(Ulang semula dari atas)



Wang Larat

Yang rakyat mencericak
Yang anak berteriak
Yang isteri menuntut hak
Yang gila berkehendak
Yang arif berkeratak
Yang bawahanpun mendongak
Yang atasanpun bertempak
Yang rugi mencari gempak

Hujan emas tiba-tiba
Menjadi gerimis karat
Hutan kemas tiba-tiba
Menjadi lukisan ratat

Durian runtuh tiba-tiba
Menjadi rimbunan lusuh
Ladang anggur tiba-tiba
Menjadi dataran nganggur

Ada kuman dari khatulistiwa
Ada mata merah melihat usahama
Ada dendam dalam zaman perniagaan
Asia Tenggara ada musuh alaf kewangan
Kita mangsa angkara ekonomi semasa

Wang larat..... bersatu kita teguh
Wang larat..... bercerai kita runtuh
Wang larat..... berat sama dibuhul
Wang larat..... ringan sama dijinjing

Padi subur tiba-tiba
Menjadi lalalang dengkur
Kasih jujur tiba-tiba
Menjadi penentang luhur

(Ulang semula dari atas)

Penari Rinduku

Penari rinduku
Hidup adalah sebuah
Pelayaran abadi samudera indah
Kerana engkau terus mempersembahkan
Gemalaimu di dada peribadiku yang lembut

Penari rinduku
Hidup adalah sebuah
Perjalanan melingkari cakerawala
Kerana engkau terus memperdengarkan
Irama malarku di dalam kehidupan yang penuh tekanan

Lantas
Aku akan terus mencari
Kerudung cinta yang paling mulia buat mu
Agar engkau mendakap syahdu
Selalu di bawah bayu nyawaku

Lantas
Aku akan terus mendaki
Gegunung minda yang paling fatan buatmu
Agar engkau bisa menggapai cindai kalbu
Di atas redha bahuaku

Penari rinduku
Cinta adalah sebuah
Pertemuan melewati perbatasan alam
Kerana engkau gigih meladeni
Seni alunan perjuanganku sehinggalpun
Waktu menjadi kaku

(Ulang semula dari atas)

Rentak Lepak

Kasar batu jalanan
Ditumbuhi bunga grafiti
Kota singgahsana khayalan
Generasi pucat lesi

Lenguh kereta terhumban
Di pinggir hayunan seksi
Kompleks persidangan peranginan
Generasi kurang pasti


Inikah rentak lepak yang terjebak
Inikah rentak lepak yang membengkak

Rentak lepak..... Beginikah peradabanku
Rentak lepak..... Budaya merayu lesu
Rentak lepak..... Di lantai asap berdebu
Rentak lepak..... Sindrom Melayu yang maju

Rentak lepak..... Beginikah pengharapanmu
Rentak lepak..... Budaya terlalu laju
Rentak lepak..... Di dinding mata bernafsu
Rentak lepak..... Sindrom Melayu yang perlu diatasi

Licin bahasa senyuman
Disulami serapah and dendam
Neon permainan keduniaan
Generasi kurang kasih

(Ulang semula dari atas)



Semua Senilagu & Senikata oleh
Mohd Khair Mohd Yasin (COMPASS)

All Rights Reserved, National Library Board, Singapore



Awalkata:

Meneruskan tradisi lagu-lagu seni Rausyanfikir, Freddie Anggulia, M Nasir, Ebiat G Ade, Ramli Sarip, Suhaimi Meor Hassan dan sebagainya. Selain dari itu saya juga ingin memaparkan irama DONDANG yang merupakan manifestasi saya akan irama lembut kemelayuan dan interpretasi muzik Melayu moden kita mutakhir ini. DONDANG adalah pada dasarnya irama yang bertolak dari pergerakan bass berwajah Jawa bergentayangan pada korda G dan album yang saya ingin lahirkan ini adalah langkah pengenalan dan contoh pada formulasi irama DONDANG yang ingin saya utarakan dari masa ke semasa. Saya mempunyai impian yang irama DONDANG - sebenarnya adalah sebuah dendangan kemasyarakatan - pada suatu hari akan berdiri sama tinggi bersama muzik-muzik yang telah lama bertapak seperti yang berentak DANGDUT, REGGAE, RAP dan sebagainya.



Matlamat :

Tujuan melahirkan album ini adalah pada dasarnya meneruskan perjuangan saya sebagai penulis lagu dan lirik dan juga untuk mengetengahkan karya-karya saya yang mutakhir. Selain dari itu, saya juga berharap dengan kelahiran album ini saya sedikit sebanyak dapat membantu menyemarakkan semangat penulis dan penyanyi Melayu di Singapura agar terus berkarya dan usah menamatkan kesenimanannya mereka yang sedia ada.

Memanglah sebagai masyarakat minoriti di Kota Singa ini, kita memiliki pelbagai masalah dan sewajarnya kita mengerti dan menyedari betapa pentingnya kita mengenal erti kehidupan yang sebenarnya seperti yang dianjurkan oleh agama kita. Malah kita sepatutnya tidaklah terus ditenggelami oleh kerancakan hidup di kota kosmopolitan yang tiada mengenal masa dan lelah. Cara kita menghadapi kegiatan kehidupan kini haruslah berbeda dari bangsa-bangsa lain yang tidak seagama seperti kita kerana mereka berlandaskan kebudayaan dan undang-undang yang tentunya asing dari kita. Maka amatlah penting kita berpegang teguh pada nilai-nilai kehidupan kita yang murni dan berbangga dengan asal-usul kita agar kita tidak menjadi sebuah bangsa yang hilang ditelan kerakusan kehidupan masakini.

Tajuk album : PANJI ANAK MINORITI

Konsep : Pop Ethnic Dan Folk



Judul Album : Panji Anak Minoriti
Penerbit : Haji Ismail Marzuki
Penyusunan Muzik dan Vokal : Haji Ismail Marzuki
Persembahan Muzik (Semua Lagu) : Haji Ismail Marzuki
*Cinta Tragika - Flute oleh Sdr Mohardiman
Suara Latar : Shuko dan Haji Ismail Marzuki
Studio Rakaman : Twin Studio (Redifussion), Kuala Lumpur
Juru Rakam : Nizam (Stone)
Juru Adun : Nizam (Stone)
Konsep dan Rekabentu : Amin Yasin (Lukiz Productions)
Foto dan Seni Komputer : Zuhairi Abdullah
Alamat Unit Perhubungan : Apt Blk 426, Choa Chu Kang Ave 4, #15-166, Singapura 680426. Tel : 7645851
Alamat E-MAIL : dondang@pacific.net.sg

Sehayat Penghargaan Kepada :
Abahku Allahyarham Haji Mohd Yasin Ismail - warisanmu adalah seni
Ibunda Hajjah Khalijah Sulaiman - tanpamu tanpaku
Isteriku Aishah - aku tahu engkau memahami
Anakku Muhd Bakti Ridhwan - baktimu pada bangsa dalam usia kecil
Anakku Muhd Ihsan - ihsanmu adalah senyuman manismu

Haji Ismail Marzuki - hanya Tuhan saja yang dapat membalas budimu padaku, pada Rausyanfikir dan kepada industri muzik Melayu kita seluruhnya
Along - thanks for all your inspiration and belief
Faridah dan Hannah - terimakasih di atas kesabaranmu

Abang Shuko - inspirasimu dan kehadiranmu aku hargai
Abang Dollah - engkaulah konsultan seni yang terhebat
Adikku Amin - engkaulah yang original

Dan kepada FAMILIKU seluruhnya, semua media cetak dan elektronik, guru-guru dan ustazah-ustazahku, PERKAMUS P7, COMPASS (Emily, Melvin, Mei Ling, Mylene), DJ-DJ Ria & Warna, teman-teman HDB, OUB, ASAS '50, Majlis Bahasa Melayu S'pura, Berita Harian/Minggu dan sahabat handai khususnya Dr Hadijah Rahmat, Abang Ramli Sarip, Kak Hartinah Ahmad, Art Fazil, Abang Zukiman Rasam, Zubir Abdullah, Abang Faris, Gazali Marwan, Samsi Adi, Ahmad Aris, Ahmad Zuhri, Cikgu Aidil Subhan, Cikgu Malik, Cikgu Siti Norlelawati, Cikgu Tajuddin (Dayak), Cikgu Asnida Daud, Salleh, Zuhairi Abdullah, Nizam(Stone) perjuanganmu aku hargai, Kunji, Chubby, Teng Wai, Kak Kalsom, Um Suhaimi Yusof, Mokhtar, Encik Salleh (Muzika Records) dan nama-nama mereka yang tidak tersebut di sini (ampunkan saya) yang telah banyak berbudi kepada saya, jazakALLAH.



1 Panji Anak Minoriti 5:32

2 Bumiku Bumimu 4:14

3 Cinta Tragika 5:55

4 Cinta Sains Fiksyen 4:40

5 Kapal Kertas 3:55

6 Kerana Mereka Lapar 3:45

7 Jiwa Jupiter 4:00

8 Wang Larat 4:30

9 Penari Rinduku 3:52

10 Rentak Lepak 3:11



Sentosa Seni & Sains

© & ℗ Digital Music

COMPACT
disc
DIGITAL AUDIO

PANJI ANAK MINORITI | MOHD KHAIR MOHD YASIN

PANJI ANAK MINORITI MOHD KHAIR MOHD YASIN

PANJI ANAK MINORITI MOHD KHAIR MOHD YASIN

- 1 Panji Anak Minoriti 5:32
- 2 Bumiku Bumimu 4:14
- 3 Cinta Tragika 5:55
- 4 Cinta Sains Fiksyen 4:40
- 5 Kapal Kertas 3:55
- 6 Kerana Mereka Lapar 3:45
- 7 Jiwa Jupiter 4:00
- 8 Wang Larat 4:30
- 9 Penari Rinduku 3:52
- 10 Rentak Lepak 3:41



© & © Dondang Music.

Semua Senilagu & Senikata oleh Mohd Khair Mohd Yasin (COMPASS).

© & © 1998 Dondang Music. All songs and lyrics by Mohd Khair Mohd Yasin (COMPASS)
WARNING : All rights reserved. Unauthorised duplication and performing is a violation of
applicable laws.

All Rights Reserved, National Library Board

COMPACT
disc
DIGITAL AUDIO